

MAHATHIR - TERIMA

1985

JITRA, 11 MEI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, BELIAU SANGGUP MENERIMA SESIAPA SAHAJA YANG DIPILIH MENJADI PEMIMPIN UMNO APABILA BELIAU BERSARA KELAK.

KATANYA, MASANYA TELAH TIBA UNTUK BELIAU BERSARA TIDAK LAMA LAGI KERANA KINI BELIAU TELAH PUN MENJANGKAU USIA 60 TAHUN DAN TELAH MENDAPAT BANYAK PENGALAMAN SEBAGAI PEMIMPIN PARTI DAN KERAJAAN.

PERDANA MENTERI BERKATA DEMIKIAN SEMASA MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN KUBANG PASU DI JENAN DEKAT SINI, HARI INI.

KATANYA, WALAUPUN BELIAU KINI TIDAK SEBEGITU DINAMIK DAN KRITIKAL DALAM UCAPAN DAN TINDAK-TANDUKNYA BERBANDING DENGAN MASA MUDANYA DAHULU, NAMUN TIDAKLAH BERERTI BELIAU TELAH MENINGGALKAN PRINSIP PERJUANGANNYA.

+SAYA HANYA BERUBAH SIKAP SELEPAS MENDAPAT BANYAK PENGALAMAN SETELAH MEMIMPIN PARTI DAN KERAJAAN,+ KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, BELIAU BANYAK BELAJAR DARIPADA SEJARAH DAN SETIAP MEREKA YANG INGIN MENJADI PEMIMPIN HENDAKLAH SANGGUP BELAJAR DARIPADA SEJARAH IAITU TIDAK MENGULANGI KESALAHAN YANG TELAH BERLAKU. -- BERNAMA

1445MST 11 05 85